

## BAB DUA: QIRA'AT DAN ILMU BAHASA ARAB

### 2.1 PENGENALAN QIRA'AT

Sesungguhnya sudah sedia maklum bahawa qira'at merupakan salah satu ilmu dalam Islam yang mulia. Kemuliaannya terletak kepada tautannya yang rapat dengan kalam Allah s.w.t iaitu al-Quran. Rasulullah s.a.w telah bersabda;

<sup>1</sup> وَفَضْلُ كَلَامِ اللَّهِ عَلَى سَائِرِ الْكَلَامِ كَفَضْلِ اللَّهِ عَلَى جَمِيعِ خَلْقِهِ

*Maksudnya; Dan kelebihan kalam Allah terhadap seluruh kalam-kalam yang lain seumpama kelebihan Allah terhadap semua makhluk-Nya.*

Oleh yang demikian, pengenalan mengenainya adalah wajar selaras dengan kepentingannya. Kajian akan dimulakan dengan pengenalan yang sewajarnya untuk mengenali qira'at. Bermula dengan definisi qira'at dan al-Quran, seterusnya penerangan mengenai prasyarat yang mesti ada dalam kewujudan sesuatu qira'at. Kajian ini juga menyentuh sepintas lalu sejarah perkembangan qira'at bermula dari zaman Rasulullah s.a.w sehingga zaman pembukuannya dan tokoh-tokohnya. Pengenalan qira'at ini akan disudahi dengan bicara hikmah dan kepentingan qira'at.

---

<sup>1</sup> Al-Tirmiziy, Abu Isa Muhammad bin Isa bin Surāṭ (1999). *al-Jami' al-Sahih*. Cet. 1. Kaherah: Dār al-Hadith. Juz 5 Hal. 29 No. Hadith. 2926

### 2.1.1 Pengertian Quran dan Qira'at

Pertalian yang rapat di antara al-Quran dan qira'at dimaklumi umum. Bahkan hubungan yang rapat ini ada kalanya membawa kekeliruan dalam memahami persamaan dan perbezaan antara keduanya. Jesteru, definisi setiap satu amat perlu, begitu juga penjelasan mengenai persamaan dan perbezaan terutamanya antara dua perkara tadi.

#### a. Definisi al-Quran

Dari sudut bahasa, al-Quran ialah masdar kepada ( ق ر أ ). Selain Quran, ( ق ر أ ) juga mempunyai masdar yang lain iaitu qira'at.<sup>2</sup>

( ق ر أ ) digunakan untuk salah satu dari dua maksud;

- i. Bacaan atau tilawah.
- ii. Menghimpun atau mengumpul. Orang Arab menyebut: قَرَأَ الْوَيْلَ وَالْجَنِينَ

Ertinya; unta ni tidak pernah menghimpun (mengandung) janin.<sup>3</sup>

Oleh yang demikian, Quran juga mempunyai makna sebagaimana asalnya, bacaan atau menghimpun. Namun begitu, makna bacaan lebih sesuai dengan Quran yang menjadi topik perbincangan ini. Demikian pilihan imam al-Tabariy berdasarkan kata-kata Ibnu

---

<sup>2</sup> Al-Raziy, Muhammad bin Abi Bakr (t.t). *Mukhtar al-Sahah*. Kaherah: Dar al-Manar. Hal. 244

<sup>3</sup> Al-Azhariy, Abu Mansur Muhammad bin Ahmad (1964). *Tahdhīb al-Lughat*. Kaherah: Dar al-Qawmiyyat al-Arabiyyat Li al-Tiba'at. Juz. 9 Hal. 271-274

Abbas r.a<sup>4</sup>. Ini berkemungkinan kerana makna berkenaan menunjukkan suatu ciri yang istimewa berbanding dengan makna menghimpun.

Abdullah Darrāz telah menegaskan:

*Yang diambil kira ketika menamakannya Quran ialah keadaannya yang dibaca dengan lidah. Sepertimana diambil kira ketika menamakannya kitab adalah keadaannya yang tertulis dengan pen. Kedua-dua penamaan tersebut (Quran dan kitab) termasuk di dalam menamakan sesuatu berdasarkan makna yang terkandung di dalamnya. (terjemahan)*<sup>5</sup>

Kemudian, Quran yang asalnya adalah masdar telah diambil lantas ditukar menjadi kata nama khas kepada kitab Allah s.w.t yang mulia.

Dari sudut istilah pula, ada beberapa definisi untuk al-Quran. Antara definisi yang terbaik ialah;

*Al-Quran merupakan kalam Allah s.w.t yang mu'jiz, diturunkan melalui Jibril a.s kepada nabi Muhammad s.a.w, dihafal dalam dada, ditulis dalam mushaf, diperturunkan secara mutawātir, membacanya adalah ibadat, dimulai dengan surah al-Fatihah dan disudahi dengan surah al-Nās. (terjemahan)*<sup>6</sup>

---

<sup>4</sup> Al-Ṭabarīy, Abu Jaafar Muhammad bin Jarīr (1999). *Jāmi' al-Bayān Fī ta'wīl al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat. Juz. 1 Hal. 68

<sup>5</sup> Muhammad Abdullah Darrāz (1985). *al-Nabā' al-'Aẓīm: Nazarāt Jadīdat Fī al-Qur'an*. Dawhah: Dār al-Thaqāfat. Hal. 13

<sup>6</sup> Abdul Halim Muhammad al-Hadi Qābah (1999). *al-Qirā'at al-Qur'aniyyat*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmīy. Hal. 22

## b. Definisi qira'at

Manakala qira'at pula dari sudut bahasa, merupakan masdar dari asal ( ق ر أ ). Sebagaimana asalnya mempunyai dua maksud, begitu juga dengan qira'at. Dua makna tersebut ialah;

- i. Bacaan atau tilawah
- ii. Menghimpun atau mengumpul.

Kesimpulannya, Quran dan qira'at merupakan masdar kepada asal yang sama iaitu ( ق ر أ ). Kemudian masing-masing dijadikan kata nama khas kepada dua perkara yang berbeza. Pengambilan kata nama khas dari sumber yang sama berkemungkinan kerana kaitan yang rapat antara kedua-dua perkara tadi atau perkongsian yang wujud di antara keduanya dalam aspek yang tertentu.

Dari sudut istilah, kebanyakan ulama mendefinisikannya sebagai:

*Ilmu berkaitan tatacara menyampaikan (membaca) kalimat-kalimat dalam al-Quran dan perbezaannya serta menyandarkannya kepada penukilnya. (terjemahan)<sup>7</sup>*

Takrif ini telah meletakkan sempadan yang jelas kepada qira'at. Qira'at tidak lebih dari cara membaca kalimat-kalimat al-Quran sama ada ia disepakati oleh semua qurra' atau sebilangan sahaja. Bahkan kadang kala ia disandarkan kepada seorang qari sahaja.

---

<sup>7</sup> Ibnu al-Jazarīy (t.t). *Munjid al-Muqri'in Wa Mursyid al-Tālibin*. Hal. 12. Ahmad Muhammad al-Bannā (1987). *Ittihāf Fudalā' al-Basyar*. Beirut: 'Ālam al-Kutub. Juz. 1 Hal. 67. Abdul Fattāh Abdul Ghani al-Qādīy (2004). *al-Budūr al-Zāhirat Fī al-Qirā'āt al-'Asyr al-Mutawātira*. Kaherah: Dar al-Salam. Hal. 51

Takrif-takrif yang lain yang dikemukakan oleh beberapa ulama lain jika diteliti, sebenarnya tidak menambah ciri-ciri baru berbanding dengan takrif di atas, walaupun kadang kala ia pada zahirnya lebih panjang dan detil.<sup>8</sup>

### c. Hubungan al-Quran dan Qira'at

Terdapat pelbagai persepsi ulama terhadap hubungan al-Quran dan qira'at dari sudut perbezaan dan persamaan. Kepelbagaian persepsi tersebut boleh dikategorikan kepada tiga bahagian;

I. Al-Quran dan qira'at adalah perkara yang sama. Ini adalah pandangan Ibnu Daqiq al-‘Īd<sup>9</sup> dan Muhammad Salim Muhaisin. Beliau berhujjah dengan dua dalil. Pertama, hadis-hadis Rasulullah s.a.w tidak membezakan antara keduanya, bahkan kedua-duanya telah disebut dalam keadaan yang sama. Kedua, lafaz al-Quran dan qira'at dari sudut bahasa merupakan masdar yang sama maknanya dan diambil dari sumber yang sama iaitu ( ق ر أ ). Kedua-dua dalil ini menunjukkan persamaan antara al-Quran dan qira'at.<sup>10</sup>

II. Al-Quran dan qira'at adalah dua perkara yang berlainan. Pendapat ini dikongsi bersama oleh al-Zarkasyiy dan al-Banna dalam tulisan mereka

---

<sup>8</sup> Contohnya takrif al-Banna (1987). *Ittihāf Fudalā' al-Basyar*. Beirut: ‘Ālam al-Kutub. Juz. 1 Hal. 67. Al-Zarqānīy, Muhammad Abdul Azim (1998). *Manāhil al-‘Irfān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-Arabīy. Juz. 1 Hal. 288. Al-Zarkasyiy (2003). *al-Burhān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Mamlakaṭ al-Sa‘udīyyaṭ: Dār ‘Ālam al-Kutub. Juz. 1 Hal. 318

<sup>9</sup> Abdul Hadi al-Fadli (1985). *al-Qira’at al-Qur’aniyyaṭ Tarīkh Wa Ta’Rīf*. Cet. 3. Beirut: Dār al-Qalam. Hal. 62

<sup>10</sup> Muhammad Salim Muhaisin (1989). *Fī Rihāb al-Qur’an al-Karīm*. Beirut: Dār al-Jil. Hal. 210

mengenai qira'at. Dalil mereka ialah al-Quran merupakan wahyu yang diturunkan kepada nabi Muhammad s.a.w dan qira'at pula adalah perbezaan lafaz wahyu tersebut dari segi penulisan dan tatacaranya.<sup>11</sup>

III. Al-Quran dan qira'at salah satunya sebahagian dari yang lain. Menurut Abdul Halim Qabat, wujud pertindihan antara al-Quran dan qira'at, di mana al-Quran merupakan sebahagian dari qira'at, dan tidak semua qira'at boleh dianggap al-Quran. Hubungan ini digelar dalam ilmu mantik, umum dan khusus secara mutlak. Ia dinamakan demikian kerana qira'at adalah umum dan al-Quran adalah lebih khusus iaitu ia termasuk di dalam qira'at. Sepertimana hubungan antara buah dan epal.


Walaupun begitu, apabila memerhatikan ulasan Sya'ban Ismail penulis mendapati hubungan al-Quran dan qira'at di dalam kategori umum dan khusus dari satu sudut.<sup>12</sup> Maksudnya apabila dilihat dari satu sudut, al-Quran merupakan sebahagian dari qira'at. Sudut yang lain pula memperlihatkan qira'at sebahagian dari al-Quran. Ini kerana bagi Sya'ban Ismail, qira'at dalam al-Quran hanya berlaku dalam beberapa kalimat sahaja dan yang selainnya tidak dianggap qira'at. Dari sudut ini, qira'at sebahagian kecil dari al-Quran. Begitu juga tidak kesemua qira'at berada dalam al-Quran bahkan ada yang di luar al-Quran seperti qira'at syazzah.

---

<sup>11</sup> Al-Zarkasyiy (2003). *al-Burhān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Juz. 1 Hal. 318. Al-Banna (1987). *Ittihāf Fudalā' al-Basyar*. Juz. 1 Hal. 69

<sup>12</sup> Sya'ban Muhammad Ismail (1986). *al-Qirā'at Ahkāmuhā Wa Masdaruhā*. Kaheerah: Dār al-Salām. Hal. 22

Lihat gambarajah di bawah:



RAJAH 2.1 hubungan antara al-Quran dan qira'at di sisi Sya'ban Ismail

Oleh itu, jika diambil kira apa yang tersirat dari ulasan Sya'ban Ismail, pendapat ulama mengenai hubungan al-Quran dan qira'at terbahagi kepada empat bahagian;

1. Al-Quran dan qira'at berlainan sama sekali
2. Keduanya adalah perkara yang sama
3. Hubungan antara keduanya ialah umum dan khusus secara mutlak
4. Hubungan antara keduanya ialah umum dan khusus dari satu sudut.

### **2.1.2 Rukun-Rukun Qira'at**

Qira'at telah melalui peredaran zaman yang amat panjang dan juga telah tersebar di pelusuk dunia. Hasilnya, beribu-ribu manusia mewarisi qira'at ini dari generasi sebelumnya. Dengan sebaran yang cukup luas, peralihan masa yang amat panjang dan para qurra' yang tak terbilang, para ulama merasakan amat perlu diwujudkan kaedah-kedah yang menyaring qira'at ini. Hal ini bertujuan agar qira'at yang diterima oleh generasi seterusnya bebas dari sebarang keraguan.

Untuk mencapai objektif ini, para ulama qira'at telah meletakkan tiga kaedah yang membolehkan sesuatu qira'at diterima dan dianggap sebagai al-Quran;

- I. Bertepatan dengan mana-mana struktur nahu. Qira'at yang diterima hendaklah selaras dengan salah satu struktur nahu yang wujud, tanpa mengira kedudukan struktur tersebut dalam bahasa Arab; sangat fasih atau sekadar fasih sahaja, dipersetujui oleh semua atau diperselisih. Contohnya; qira'at imam Hamzah pada firman Allah s.w.t:

وَ اتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Ertinya: *Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya dan hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu.*

Imam Hamzah membaca kalimah ( اَ ) dengan baris bawah berdasarkan ia adalah ma'tuf kepada damir yang majrur ( به ). Cara ini adalah mengikut mazhab Kufi.<sup>13</sup>

- II. Bersesuaian dengan cara penulisan (resam) mashaf-mashaf Uthmani. Para sahabat r.a telah bersepakat bahawa mashaf Uthmani menepati pembentangan al-Quran terakhir Rasulullah s.a.w dengan Jibril a.s. Jesteru, penyalahan mana-mana qira'at dari cara penulisan mashaf Uthmani menunjukkan keganjilan yang ada pada qira'at tersebut. Amat wajarlah ia tidak diterima.<sup>14</sup>

---

<sup>13</sup> Al-Banna (1987). *Ittihāf Fudalā' al-Basyar*. Juz. 1 Hal. 501-502

<sup>14</sup> Abdul Halim Muhammad al-Hādī Qābah (1999). *al-Qirā'at al-Qur'aniyyat*. Hal. 157



III. Sanad yang sahih lagi masyhur atau mutawatir. Kaedah ini menjadi topik perselisihan antara para ulama. Kebanyakan ulama meletakkan syarat bahawa sanad qira'at hendaklah mencapai tahap mutawatir. Tetapi sebilangan yang lain, antaranya Ibnu al-Jazariy, Makkiy al-Qaisy, Abu Syamat dan Ibnu al-Salah tidak mensyaratkan demikian bahkan cukup dengan sanad yang sahih serta masyhur. Jika melihat kepada kedudukan al-Quran dan janji Allah s.w.t untuk menjaganya, maka pendapat jumbuh ulama lebih dekat dengan kebenaran.<sup>15</sup>

### 2.1.3 Perkembangan Ilmu Qira'at

Ilmu qira'at telah melalui peredaran yang cukup panjang sebelum sampai kepada kita pada hari ini. Bermula dari zaman Rasulullah s.a.w hingga 1425 tahun selepas hijrah Nabi s.a.w ke Madinah. Oleh kerana ini bukanlah kajian khusus mengenai qira'at, maka di sini akan diperturunkan dengan serba ringkas sejarah qira'at. Paling tidak dapat diketahui kemunculannya dan susur galur perkembangannya dari dahulu sehingga sekarang.

Sejarah qira'at; kemunculan dan perkembangannya, boleh dibahagikan kepada beberapa tahap. Tahap-tahap tersebut adalah seperti susunan berikut;

**Tahap pertama;** qira'at pada zaman Nabi s.a.w. Penurunan al-Quran kepada Nabi s.a.w melalui Jibril a.s pada pertama kalinya, merupakan kemunculan awal qira'at.<sup>16</sup> Ini

---

<sup>15</sup> Ibid. Hal. 161-169

<sup>16</sup> Ibid. Hal. 47

kerana qira'at adalah cara pembacaan al-Quran. Jibril a.s ialah utusan Allah s.w.t dengan membawa qira'at kepada Rasulullah s.a.w. Qira'at diterima oleh Nabi s.a.w dari Jibril menerusi al-Quran. Seterusnya Nabi s.a.w mengajar para sahabatnya apa yang baginda terima dari Jibril a.s.

Namun, batasan waktu dan keadaan sekitar menyebabkan pengetahuan sahabat mengenai qira'at tidak sama. Ada sahabat mengambil al-Quran dari Nabi s.a.w dengan satu qira'at. Ada yang mengambil dengan dua qira'at dan sebagainya.<sup>17</sup> Jesteru, telah timbul semasa hidup Nabi pertelingkahan kecil mengenai qira'at. Masing-masing mendakwa qira'atnya adalah betul. Tetapi ia berjaya diselesaikan oleh Nabi s.a.w.

Pada masa yang sama, telah timbul beberapa sahabat r.a yang mahir mengenai al-Quran dan dikenali sebagai al-qurra`. Antaranya Abu Bakar al-Siddiq, Uthman bin al-Affan, Ali bin Abi Talib, Abdullah bin Mas'ud, Ubai bin Kaab, Abu Musa al-Asy'ari r.a dan lain-lain lagi.<sup>18</sup>

**Tahap kedua;** qira'at pada zaman sahabat r.a. Ia bermula dengan kewafatan Nabi s.a.w sehingga pertengahan kurun pertama hijrah. Ketika ini para sahabat yang terkenal dengan al-Quran menjadi rujukan sahabat yang lain dan para tabien. Pada tahap ini al-Quran dibukukan pada zaman Abu Bakar al-Siddiq r.a.

Peristiwa penting yang berlaku ketika itu ialah jasa saidina Uthman al-Affan r.a membukukan al-Quran sekali lagi dan membakar mashaf-mashaf lain. Kemudian

---

<sup>17</sup> Al-Zarqānīy (1998). *Manāhil al-'Irfān Fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Juz. 1 hal. 289

<sup>18</sup> Ibid. Juz. 1 hal. 290

mashaf tadi disalin dan dihantar ke bandar-bandar utama negara Islam. Di samping itu, saidina Uthman al-Affan juga mengutuskan seorang sahabat bersama-sama mashaf tadi ke setiap bandar. Setiap sahabat tadi membawa qira'at yang dipelajarinya dari Rasulullah s.a.w dan menepati resam mashaf yang dihantar.

Di sini bermulalah umat Islam berduyun-duyun mempelajari al-Quran dari para sahabat tadi berpandukan mashaf-mashaf yang dibawa masing-masing. Telah disebut pada tahap pertama tadi, bahawa pengetahuan sahabat mengenai qira'at berbeza. Perbezaan tersebut akhirnya turun kepada murid-murid mereka di kalangan tabien.<sup>19</sup>

Sebab utama pembukuan al-Quran oleh saidina Uthman al-Affan ialah perselisihan umat Islam mengenai qira'at yang semakin ketara. Perselisihan ini hampir-hampir membawa kepada perpecahan. Inisiatif saidina Uthman al-Affan r.a ini berjaya membendung perpecahan di kalangan umat Islam sekaligus memelihara keutuhan al-Quran dari sebarang penyelewengan.

**Tahap ketiga;** qira'at pada zaman tabien dan tabi' tabien. Pada zaman ini telah muncul secara beransur-ansur sekumpulan qurra' yang mewarisi ilmu al-Quran. Mereka mewarisinya dari para sahabat yang mereka temui di tempat mereka. Mereka ini dikenali ramai dan menjadi ikutan dalam ilmu qira'at. Banyak yang mengambil ilmu al-Quran, akan tetapi kumpulan qurra' ini lebih dikenali dengan usaha dan penglibatan dalam al-Quran yang ketara. Kemasyhuran mereka pada akhirnya menyebabkan cara bacaan al-Quran (qira'at) dinisbahkan atau dikenali dengan nama-nama mereka. Antaranya imam Nafi' dan Syaibah di Madinah. Ibnu Kathir, Humaid dan Ibnu

---

<sup>19</sup> Al-Zarqānīy (1998). *Manāhil al-'Irfān Ft 'Ulūm al-Qur'ān*. Juz. 1 Hal. 288

Muhaisin di Mekah. ‘Asim, Hamzah, Kisa’iy dan A‘masy di Kufah. Yaakub dan Abu ‘Amru di Basrah dan Ibnu ‘Amir di Syam.<sup>20</sup>

**Tahap keempat;** pembukuan qira’at. Para sejarawan berselisih mengenai siapakah yang pertama kali menulis buku tentang qira’at. Menurut Ibnu al-Jazariy, Ibnu Hatim<sup>21</sup> atau Abu Ubaid al-Qasim bin Salam<sup>22</sup>. Di sisi Ibnu ‘Atiyyat, Yahya bin Ya‘mar.<sup>23</sup> Namun pendapat yang masyhur dikalangan ulama ialah al-Qasim bin Salam.

Kemudian datang Ibnu Mujahid dengan kitabnya al-Sab‘at Fi al-Qira’at. Beliau dalam kitab ini telah melakukan perkara baru yang belum pernah dilakukan oleh mana-mana ulama qira’at, iaitu memilih tujuh qira’at sahaja. Kedudukannya dalam bidang qira’at menyebabkan tujuh qira’at pilihannya dipegang oleh umat Islam. Selepasnya Ibnu al-Jazariy datang dengan tiga qira’at lain yang mutawatir dalam kitabnya al-Nasyr dan Munjid.

Setelah Ibnu Mujahid, kitab-kitab dalam bidang qira’at datang bertimbun-timbun. Untuk menghitungnya di sini agak sukar. Antaranya al-Hujjat Fi ‘Ilal al-Qira’at al-Sab‘at oleh Ibnu Khaluyat, al-Hujjat oleh Abu Ali al-Farisiy, al-Nasyr Fi al-Qira’at Al-‘Asyr oleh Ibnu al-Jazariy, al-Taysir oleh al-Daniy, Hirz al-Amaniy oleh al-Syatibiy dan banyak lagi. Ini belum disentuh kitab qira’at oleh ulama zaman kini.

---

<sup>20</sup> Ibid. Juz. 1 hal. 291

<sup>21</sup> Ibnu al-Jazariy (t.t). *Ghāyat al-Nihāyat Fī Ṭabaqāt al-Qurrā’*. Kaherah: Maktabat Ibnu Taimiyah. Juz. 1 Hal. 320

<sup>22</sup> Ibnu al-Jazariy (t.t). *al-Nasyr Fi al-Qirā’āt al-‘Asyr*. Juz. 1 Hal. 34

<sup>23</sup> Ibnu ‘Atiyyat, Abu Muhammad Abdul Haq bin Ghālib (2001). *al-Muharrar al-Wajīz, Fi Tafsīr al-Kitāb al-‘Azīz*. Cet. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat. Muqaddimah Tafsir Hal. 50

Jelasnya, ilmu qira'at seperti ilmu-ilmu lain yang melalui tahap-tahap yang berterusan dan berkembang. Bermula dengan penurunan al-Quran sehinggalah menjadi ilmu yang dibukukan, dipelajari dan mempunyai asas, rujukan serta tokohnya tersendiri.<sup>24</sup>

#### **2.1.4 Pengenalan Imam-Imam Qira'at Tujuh**

##### **1. Imam Nafi' al-Madaniy<sup>25</sup>**

Beliau ialah Nafi' bin Abdul Rahman bin Abi Nu'aim. Salah seorang dari tujuh ahli qira'at. Beliau berkulit hitam, berakhlak baik dan kelakar. Membaca qira'at dari sekumpulan tabi'in ahli Madinah seperti Abdul Rahman bin Hurmuz, Muslim bin Jundub, al-Zuhriy dan banyak lagi. Kata Musa bin Tariq: aku telah mendengarnya berkata: aku telah membaca al-Quran kepada tujuh puluh tabi'in.

Beliau telah mengajar al-Quran selama lebih tujuh puluh tahun. Qira'atnya telah menjadi bacaan ahli Madinah dan menjadi rujukan mereka. Mereka yang meriwayatkan qira'at darinya terlalu ramai, termasuk nama-nama besar seperti imam Malik bin Anas, Abdul Rahman bin Abi al-Zinad, Abu 'Amru bin al-'Ala', al-Laith bin Saad dan banyak lagi.

Diriwayatkan bahawa apabila beliau bercakap, akan keluar bau harum dari mulutnya. Apabila ditanya kenapa terjadi demikian, beliau menjawab: aku melihat Nabi s.a.w

---

<sup>24</sup> Abdul Halim Muhammad Al-Hādī Qābah (1999). *al-Qirā'at al-Qur'aniyyat*. Hal. 47

<sup>25</sup> Al-Zirakliy, Khairuddīn bin Mahmud al-Dimasyqiy (2002). *al-A'lam*. Cet. 15. Beirut: Dar al-'Ilm Li al-Malayīn. Juz. 8 Hal. 5. Abdul Fattah bin al-Sayyīd 'Ajamiy al-Mirsofiy (t.t). *Hidayat al-Qariy Ila Tajwid Kalam al-Bariy*. Cet. 2. Madīnah: Maktabat Tayyibat. Juz. 2 Hal. 733

dalam mimpi membaca al-Quran ke dalam mulutku. Sejak itu aku menghidu bau ini. Beliau meninggal dunia pada tahun 169 hijrah. Qira'at beliau telah diriwayatkan oleh murid beliau yang terkenal iaitu imam Qalun dan imam Warsh.

## **2. Ibnu Kathir al-Makkiy<sup>26</sup>**

Beliau ialah Abdullah bin Kathir bin 'Amr bin Abdillah. Imam ahli Mekah dalam bidang qira'at. Digelar al-Dariy kerana beliau peniaga minyak wangi. Lahir pada tahun 45 hijrah dan sempat bertemu dengan beberapa orang sahabat seperti Abdullah bin Zubair, Anas bin Malik dan Abu Ayub al-Ansoriy serta meriwayatkan beberapa hadis dari mereka.

Beliau mengambil Quran dari Abdullah bin al-Saib, Mujahid dan Darbas hamba Ibnu Abbas. Qira'atnya telah diriwayatkan oleh ramai, antaranya Hammad bin Salamah, al-Khalil bin Ahmad, Sulaiman bin al-Mungirat, Ibnu Abi Mulaikat, Sufyan bin 'Uyainat, Abu 'Amru bin al-'Ala' dan ramai lagi. Qira'at Ibnu Kathir ini dipuji oleh imam Syafie dengan katanya: Qira'at kami ialah qira'at Ibnu Kathir, dan begitulah kami dapati dari ahli Mekah.

Kata Ibnu Mujahid: Sentiasalah Abdullah bin Kathir menjadi imam yang disepakati dalam qira'at di Mekah sehinggalah beliau wafat di Mekah pada tahun 120 hijrah. Perawi qira'atnya yang paling masyhur ialah imam al-Bazziy dan imam Qunbul.

---

<sup>26</sup> Ibnu al-Jazarīy (t.t). *Ghāyat al-Nihāyat Fī Ṭabaqāt al-Qurrā'*. Juz. 1 Hal. 443

### 3. Abu ‘Amru bin al-‘Ala’ al-Basriy<sup>27</sup>

Nama penuh beliau ialah Abu ‘Amr Zabbān bin al-‘Ala’ bin ‘Ammār. Guru para qurra’ dan bahasa Arab pada zamannya. Lahir lebih kurang tahun 70 hijrah. Abu ‘Amr sangat menonjol dalam bidang bahasa Arab dan qira’at. Sangat masyhur dengan kefasihan lidahnya dan keluasan ilmu. Abu ‘Ubaidah menyatakan bahawa Abu ‘Amr merupakan manusia yang paling tahu mengenai qira’at, bahasa Arab, syair dan sejarah bangsa Arab. Diriwayatkan bahawa buku catatannya memenuhi rumahnya hingga ke atap rumah.

Bertalaqqi al-Quran daripada Said bin Jubair, Mujahid, Yahya bin Ya‘mar, ‘Ikrimah, Ibnu Kathir dan beberapa lagi. Murid-muridnya ialah Mu‘az bin Mu‘az, Yunus bin Habib al-Lughawiy, al-‘Abbas bin al-Fadl, Abdul Waris bin Said dan beberapa orang lagi. Kata Abu ‘Amr: Sekiranya boleh aku keluarkan apa yang berada dalam dadaku daripada ilmu tentu akan aku mampu lakukan. Aku telah menghafal dari ilmu al-Quran banyak perkara. Kalau aku tulis, si A‘masy tidak mampu memikulnya.

Imam Abu ‘Amr bin al-‘Ala’ meninggal dunia pada tahun 154 hijrah setelah menyumbang begitu lama ilmu pengetahuan dalam banyak bidang. Sehingga hari ini masih kedengaran namanya dalam ilmu qira’at, bahasa Arab dan syair. Dalam qira’at beliau meninggalkan dua orang anak murid yang termasyhur, iaitu imam Hafs al-Duriy dan imam al-Susiy.

---

<sup>27</sup> Al-Zahabiy, Syams al-Dīn Abu Abdillāh Muhammad bin Ahmad bin Uthman (1985). *Siyar A‘lān al-Nubala’*. Cet. 3. Beirut: Mu’assasat al-Risalah. Juz. 6 Hal. 410

#### 4. Abdullah bin ‘Amir al-Syamiy<sup>28</sup>

Nama penuh beliau ialah Abdullah bin ‘Amir bin Yazīd bin Tamīm bin Rabī‘ah al-Yahsubiy. Salah seorang dari imam-imam qira’at tujuh yang paling tinggi sanadnya. Diputerakan pada tahun 21 hijrah. Juga dikatakan pada tahun 8 hijrah. Salah seorang dari tabi’in.

Membaca Quran kepada al-Mughīrat bin Abi Syihab, Abdullah bin ‘Amr bin al-Mughirat, Abu al-Darda’, Mu‘awiyah bin Abi Sufian, Fadalah bin ‘Ubaid dan beberapa orang sahabat Rasulullah s.a.w lagi. Anak-anak muridnya ialah Yahya bin al-Haris, Abdullah bin ‘Amir, Rabī‘ah bin Yazid dan beberapa lagi. Muridnya yang masyhur dalam meriwayatkan qira’at darinya ialah Hisyam bin ‘Ammar dan Abdullah bin Ahmad bin Zakwan.

Selepas kematian Abu al-Darda’, beliau menjadi rujukan ahli Syam dalam Quran dan qira’at. Beliau juga telah dilantik menjadi imam Jami‘ Umawiy semasa pemerintahan Umar bin Abdul Aziz dan juga sebelum dan selepasnya. Selain itu, Ibnu ‘Amir adalah qadi di Damsyik yang menjadi kota Khalifah Islamiyyah. Pada hari Asyura’ tahun 118 hijrah, beliau telah menyahut seruan Ilahi di Damsyik.

---

<sup>28</sup> Abdul Fattāh Abdul Ghani al-Qādī (2002). *Tārīkh al-Qurra’ al-‘Asyarat Wa Ruwātuhum Wa Tawātur Qirā’ātuhum Wa Manhaj Kullin Fī al-Qirā’at Min Tariq al-Syābiyyat Wa al-Durraṭ Li al-Imamain al-Syābiy Wa Ibnu al-Jazarīy*. Kaherah: Al-Maktabat al-Azhariyyat Li al-Turath. Hal. 34



## 5. 'Asim bin al-Najud al-Kufiy<sup>29</sup>

Beliau ialah imam ahli Kufah 'Asim bin Bahdalah Abi al-Najud. Salah seorang daripada tujuh qurra'. Dikenali sebagai seorang qari yang mempunyai suara yang merdu di samping kefasihan dan tajwid yang betul. Salah seorang dari tabi'in. Mempunyai riwayat hadis secara langsung dari dua orang sahabat, Abu Rathmah dan al-Harith bin Hassan. Malah ada sanad hadis dari 'Asim dari Anas bin Malik.

Mengambil qira'at dari beberapa orang, seperti Abu Abdul Rahman al-Sulamiy, Abu Umar dan al-Syaibaniy. Manakala yang berguru kepadanya dalam bidang qira'at tidak mampu dihitung bilangannya. Antara yang masyhur ialah Aban bin Taghlab, Hammad bin Salamah, Hammad bin Zaid, al-A'masy dan banyak lagi. Namun perawi qira'atnya yang paling dikenali dan dipercayai ialah Syu'bah bin 'Ayyasy dan Hafis bin Sulaiman.

Imam Ahmad bin Hanbal pernah ditanya oleh anaknya: Qira'at apakah yang kamu paling sukai? Jawab imam Ahmad: Qira'at ahli Madinah. Sekiranya tidak, maka qira'at 'Asim. Kerana kedudukannya yang tinggi dan dihormati dalam bidang al-Quran, beliau telah menjadi rujukan utama penduduk Kufah selepas kewafatan imam Abu Abdul Rahman al-Sulamiy. Pada akhir tahun 127 beliau telah menemui Tuhannya meninggalkan qira'at yang dinamakan dengan namanya.

---

<sup>29</sup> Ibnu al-Jazarīy (t.t). *Ghāyat al-Nihāyat Fī Ṭabaqāt al-Qurrā'*. Juz. 1 Hal. 346-349

## 6. Hamzah al-Kufiy<sup>30</sup>

Nama penuh beliau ialah Hamzah bin Habib bin ‘Umarah al-Taimiy al-Kufiy. Dalam bidang ilmu, beliau sangat terkenal dengan kebolehannya dalam qira’at dan ilmu fara’id. Beliau juga mempunyai penyertaan dalam bidang hadis. Meriwayatkan hadis dari ‘Adiy bin Thabit, al-Hakam, ‘Amru bin Murrah, Habib bin Abi Thabit, Talhah bin Musarrif dan beberapa lagi. Beliau juga adalah peniaga. Perniagaannya ialah menghantar minyak dari Kufah ke Helwan. Dari Helwan beliau membawa balik beberapa barang seperti keju.

Selain itu, beliau seorang yang warak, zuhud dan kuat beribadat. Beliau tidak pernah meminta kerana bimbang kemungkinan orang yang dimintanya pernah membaca al-Quran denganya. Kata Ibnu Fudail: Aku tidak menyangka Allah menghindarkan bala dari penduduk Kufah kecuali kerana Hamzah.

Berguru dengan Humran bin A‘yan, al-A‘masy, Ibnu Abi Laila dan banyak lagi. Selain itu, beliau memiliki murid yang agak ramai. Diantaranya Sulaim bin ‘Isa, al-Kisa’i, ‘Abid bin Abi ‘Abid, al-Hasan bin ‘Atiyya dan Abdullah al-‘Ijliy. Qira’at Hamzah banyak mendapat komentar dari beberapa ulama mengenai bacaan hamzah, imalah, mad dan beberapa lagi. Tetapi ia kebanyakannya berpunca dari kesalahan cara pembaca bukan kerana qira’at Hamzah. Oleh itu diriwayatkan bahawa imam Hamzah sendiri tidak menyetujuinya.

---

<sup>30</sup> Al-Zahabiy, (1985). *Siyar A‘lam al-Nubala’*. Juz. 7 Hal. 90

Beliau meninggal dunia pada tahun 156 hijrah dengan meninggalkan dua orang perawi qira'atnya iaitu Khalaf bin Hisyam dan Khallad bin Khalid al-Syaibaniy.

## 7. Al-Kisa'i al-Kufiy<sup>31</sup>

Yang terakhir dari senarai tujuh imam qira'at ialah imam Ali bin Hamzah bin Abdullah. Beliau lebih dikenali sebagai al-Kisa'i. Berketurunan Farsi dari rakyat kebanyakan Iraq. Selain qira'at, nama beliau juga amat terkenal dalam ilmu bahasa Arab terutama nahu. Beliau pernah berguru dengan al-Khalil bin Ahmad di Basrah. Kemudian memasuki kawasan pedalaman Arab Badwi untuk mengambil bahasa dari sumbernya yang asli. Kerana sumbangannya dalam bidang nahu, imam Syafie menyatakan bahawa sesiapa yang ingin mendalami nahu akan bergantung kepada al-Kisa'i.

Guru utamanya dalam bidang Quran dan qira'at ialah imam Hamzah. Beliau telah memperdengarkan bacaannya kepada Hamzah sebanyak empat kali khatam. Selain Hamzah, beliau berguru dengan Ibnu Abi Laila, Isa bin Umar al-Hamazaniy, Abu Bakr bin 'Ayyasy dan banyak lagi. Tidak ketinggalan murid-muridnya yang tidak terkira seperti Ibrahim bin Zadan, Hafs al-Duriy, Abdul Rahman bin Waqid, Ibnu Zakwan, al-Qasim bin Sallam, Yahya bin Adam, Khalaf bin Hisyam al-Bazzar, Yahya bin Ziyad al-Farra', imam Ahmad bin Hanbal, Yahya bin Ma'in dan banyak lagi.

---

<sup>31</sup> Abdul Fattah bin al-Sayyid 'Ajamiy al-Mirsofiy (t.t). *Hidayat al-Qariy Ila Tajwid Kalam al-Bariy*. Juz. 2 Hal. 677

Beliau telah meninggalkan beberapa tulisan antaranya kitab Ma‘aniy al-Qur’an, Kitab al-Qira’at, Kitab al-‘Adad, Kitab al-Nawadir al-Kabīr, al-Awsat dan al-Saghīr, kitab dalam nahu dan beberapa lagi.

Beliau meninggal dunia tahun 189 hijrah ketika mengiringi khalifah Harun al-Rasyid ke Khurasan di daerah al-Ray. Pada hari yang sama, turut wafat ialah al-qadi imam Muhammad bin al-Hasan al-syaibaniy. Khalifah al-Rasyid meratapi kehilangan ilmu dengan perginya mereka berdua dengan berkata: Kami telah menanam fiqh dan nahu di al-Ray.

#### **2.1.4 Hikmah Kewujudan Qira’at**

Sesungguhnya apa jua ketentuan Allah s.w.t mempunyai tujuan dan hikmahnya yang tersendiri. Lebih-lebih lagi jika berkaitan dengan kalam-Nya yang maha mulia. Sudah pasti mengandungi tujuan dan hikmahnya. Antara hikmah yang dapat dikenalpasti;

- I. Kemudahan dan kesenangan umat Islam, terutamanya untuk membaca al-Quran. Al-Quran diturunkan dalam lahjah Quraisy. Bangsa Arab yang bertutur dengan bahasa ini terbahagi dengan pelbagai kabilah. Setiap satunya mempunyai lahjah yang tersendiri. Jika al-Quran dipaksa untuk dibaca lahjah Quraisy sahaja tentunya akan menimbulkan masalah yang besar kepada kabilah selain Quraisy, terutamanya orang-orang tua dan wanita.<sup>32</sup>

---

<sup>32</sup> Ibnu al-Jazariy (t.t). *al-Nasyr Fi al-Qirā’āt al-‘Asyr*. Juz. 1 Hal. 19-20

II. Kepelbagaian qira'at merupakan salah satu i'jaz al-Quran berupa ringkasan makna dalam bentuk yang indah. Setiap qira'at umpama satu ayat al-Quran. Ia memberi makna tambahan kepada qira'at lain dalam ayat yang sama. Ini dapat mengelakkan pertambahan ayat dan mengekalkan pertambahan makna. Inilah i'jaz berupa ringkasan makna.<sup>33</sup>

III. Menyatukan umat Islam dengan bahasa dan lahjah yang satu iatu lahjah Quraisy. Pada masa yang sama mengandungi perkataan-perkataan pilihan yang diambil dari perbagai kabilah Arab yang berulang-alik ke Mekah. Sesungguhnya penyatuan bahasa adalah salah satu faktor kesatuan umat terutamanya pada awal kebangkitannya.<sup>34</sup>

IV. Kepelbagaian qira'at turut menyumbang kepada para ulama ketika mereka mengkaji al-Quran. Antara bentuk sumbangan qira'at ialah;

1. Menerangkan hukum. Contohnya firman Allah s.w.t;

وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَلَةً أَوْ امْرَأَةً وَوَلَّهُ أَخٌ أَوْ أُخْتٌ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ

مِنْهُمَا السُّدُسُ

Ertinya; *Dan jika si mati yang diwarisi itu lelaki atau perempuan, tidak meninggalkan anak atau bapa dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki atau saudara perempuan maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam.*

---

<sup>33</sup> Abdul Halim Muhammad al-Hādī Qābah (1999). *al-Qirā'at al-Qur'aniyyat*. hal. 76

<sup>34</sup> Al-Zarqānīy (1998). *Manāhil al-'Irfān Fī 'Ulūm al-Qur'an*. juz. 1 hal. 139

Qira'at Saad bin Abi Waqqas dengan penambahan ( ) selepas ( ). Ini mengikat makna saudara lelaki dan perempuan dari sebelah ibu.<sup>35</sup>

2. Memberi tambahan hukum yang asal. Contohnya firman Allah s.w.t;

فَاعْتَرِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ

Ertinya; *Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci.*

Kalimah (يَطْهُرْنَ) dibaca dengan dua qiraat: يَطْهُرْنَ dengan sabdu dan يَطْهُرْنَ tanpa sabdu. Bacaan dengan sabdu memberi makna tambahan iaitu amat bersih. Ia bermaksud mandi, bukannya sekadar terhenti haid. Hukum ini diperolih dengan gabungan dua qira'at tadi.<sup>36</sup>

3. Menerangkan lafaz yang samar maknanya. Contohnya, kalimah الْعَيْنُ الصُّوفُ الْمَنْفُوشُ ditafsir dalam qira'at Ibnu Mas'ud dan Ibnu Jubair dengan الصُّوفُ الْمَنْفُوشُ.<sup>37</sup> Ini kerana pengguna kalimah (الصُّوفُ) iaitu bulu lebih masyhur dari kalimah (الْعَيْنُ).

Sebenarnya banyak lagi hikmah penurunan qira'at. Ada yang dapat dicapai oleh akal dan diungkap dengan kata-kata, dan ada yang tersimpan dalam khazanah ilmu Allah yang maha luas.

<sup>35</sup> Al-Qurtubīy, Abu Abdillāh Muhammad bin Ahmad al-Ansārīy (1996). *al-Jāmi' Li 'Ahkām al-Qur'an*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-Arabīy. Juz. 5 Hal. 78

<sup>36</sup> Ibid. Juz. 3 Hal. 88

<sup>37</sup> Ibnu 'Atiyyat (2001). *al-Muharrar al-Wajiz Fi Tafsir al-Kitāb al-'Azīz*. Juz. 5 Hal. 517

## **2.2 ILMU BAHASA ARAB**

Sudah sedia maklum bahawa setiap ilmu menyumbang terhadap ilmu yang lain dan sebaliknya. Jesteru, tiada ilmu yang berdiri dengan sendirinya tanpa bergantung kepada ilmu yang lain sama ada ia berupa asas, medium atau pelengkap yang menghiasi ilmu yang lain. Bahkan ada ilmu yang muncul sebenarnya pada permulaan adalah sebahagian daripada sesuatu ilmu lain, kemudian beransur-ansur membentuk bersama-sama dengan peredaran zaman; kedaulatannya yang tersendiri.

Tidak terkecuali dari fenomena tersebut ialah ilmu bahasa Arab yang merangkumi linguistik, sintaksis, morfologi, balaghah dan semua aspek lain yang berkaitan dengannya. Bahasa Arab mempunyai hubungan yang cukup erat dengan ilmu-ilmu Islam yang lain. Hubungan ini bermula seawal kedatangan Islam lagi. Sumber Islam yang utama iaitu al-Quran diturunkan dengan bahasa Arab menjadi mediumnya. Bahkan bahasa Arab merupakan sebahagian dari al-Quran itu sendiri.

Perbahasan seterusnya bertujuan menyingkap hubungan ilmu bahasa Arab dengan qira'at. Untuk melengkapinya, pengkaji memulakan dengan perkembangan ilmu bahasa Arab secara umum serta penjelasan ringkas mengenai pecahan-pecahan dalam ilmu bahasa Arab.

Bahasa Arab dianggap sebagai salah satu bahasa tertua dunia. Ia dikelompokkan dalam bahasa-bahasa sematik. Pada hari ini, ia adalah salah satu bahasa dunia. Penuturnya dianggarkan melebihi 422 juta di seluruh dunia.<sup>38</sup>

Sebagai bahasa yang telah mengalami perkembangan akibat peredaran masa yang cukup panjang, di samping modenisasi bahasa yang berterusan, tentunya pengetahuan mengenainya amat penting. Lebih penting ialah pengetahuan mengenai ilmu-ilmu yang membentuk bahasa Arab secara keseluruhan. Oleh kerana ia bukanlah tujuan utama kajian ini, maka pengkaji hanya membawa susur galur ilmu bahasa Arab dan perkembangannya seawal kemunculannya. Selain itu, penjelasan ringkas mengenai pecahan-pecahan yang terdapat di dalam ilmu bahasa Arab.

### **2.2.1 Pembahagian Ilmu Bahasa Arab dan Definisi Setiap Bahagian**

Sebagai sebuah bahasa banyak ilmu menjadi pecahannya. Ilmu-ilmu ini berperanan menjaga dan memelihara bahasa tersebut dari sebarang kesalahan dan perubahan. Tidak terkecuali bahasa Arab. Kedapatan yang berpendapat bahawa ilmu bahasa Arab mencapai 13 ilmu. Ilmu tersebut ialah, sorof, i'rab, rasm, ma'ani, bayan, badi', 'arud, qawafi, qard al-sya'r, insya', khatabah, sejarah sastera dan matan bahasa.<sup>39</sup> Pecahan-pecahan ini merangkumi kesemua ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab.

---

<sup>38</sup>[http://encarta.msn.com/media\\_701500404/Languages\\_Spoken\\_by\\_More\\_Than\\_10\\_Million\\_People.htm](http://encarta.msn.com/media_701500404/Languages_Spoken_by_More_Than_10_Million_People.htm)  
1

<sup>39</sup> Mustafa al-Ghalayiniy (1998). *Jami' al-Durus al-'Arabiyyat*. Cet. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat. Juz. 1 Hal. 7



Namun begitu, ilmu yang menjadi asas kepada bahasa Arab tidak banyak. Menurut Ibnu Khaldun, ilmu bahasa Arab terdiri dari empat asas utama. Ilmu nahu, sastera, balaghah dan bahasa.<sup>40</sup>

Di sisi Ibnu al-Sakkakiy pula, hanya tiga ilmu sahaja yang menjadi rujukan, iaitu nahu, sorof dan balaghah. Menurutnya, tujuan utama ialah menghindari dari kesilapan dalam bahasa Arab. Subjek-subjek kesilapan jika diteliti berada pada tiga keadaan sahaja; perkataan, penyusunan dan kesesuaian gabungan perkataan dengan apa makna yang dikehendaki.<sup>41</sup>

Sorof menjaga perkataan, nahu menjaga penyusunan dan balaghah menjaga ketepatan makna. Jesteru, dalam kajian ini pengkaji menumpukan kepada tiga ilmu ini sahaja sebagai ilmu teras bahasa Arab.

Takrif nahu bahasa Arab ialah; ilmu yang membahaskan keadaan akhir sesuatu kalimah dari sudut i'rab dan bina'.<sup>42</sup> Ini bermakna ilmu ini hanya tertumpu pada perubahan kasus atau baris di akhir kalimah sahaja.

Manakala sorof atau juga dikenali sebagai tasrif pula ialah; perubahan pada huruf-huruf akar dan meletakkannya di dalam pelbagai bentuk binaan kalimah berdasarkan

---

<sup>40</sup> Ibnu Khaldun Abdul Rahman (t.t). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Iskandariyah: Dar Ibn Khaldun. Juz. 2 Hal. 402

<sup>41</sup> Al-Sakkakiy, Abu Yaakub Yusuf bin Abi Bakr (1987). *Miftah al-'Ulum*. Cet.2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat. Hal. 7-8

<sup>42</sup> Al-Sabban, Muhammad bin Ali (t.t). *Hasyiyah al-Sabban 'Ala Syarh al-'Asymuniy*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyat. Juz. 1 Hal. 16

kewujudan makna padanya.<sup>43</sup> Ini membawa maksud sorof membicarakan tentang perubahan pada bentuk kalimah dengan mengambil kira perubahan makna yang turut terjadi.

Takrif balaghah yang masyhur ialah; ketepatan kata-kata dengan tuntutan keadaan berserta kefasihannya.<sup>44</sup> Balaghah di sisi para ulamanya terbahagi tiga; ilmu bayan, ilmu ma‘ani dan ilmu badi‘.

### 2.2.2 Perkembangan Ilmu Bahasa Arab

Untuk merangkumi sejarah ilmu bahasa Arab bermula dari awal kemunculannya amat sukar lantaran tempoh masanya yang melangkaui ratusan malah ribuan tahun. Bagi memudahkan kajian dan penjelasan, pengkaji telah meletakkannya kepada beberapa peringkat sesuai dengan tabiat semulajadi sesuatu ilmu.

**Peringkat pertama;** ilmu bahasa Arab masih berbentuk sifat semulajadi dalam diri bangsa Arab. Peringkat ini ialah zaman sebelum Islam dan pada awal kedatangannya. Hal ini adalah perkara biasa bagi semua ilmu. Imam al-Subki berkata; *...mereka mengenali nahu dengan sifat semulajadi mereka sebelum kedatangan al-Khalil dan Sibawaih..(terjemahan).*<sup>45</sup> Ilmu nahu, sorof dan balaghah pada ketika ini berbentuk praktikal yang kesannya wujud pada kata-kata dan ia sendiri terbenam dalam diri

---

<sup>43</sup> Ibnu Ya‘isy, Ya‘isy bin Ali (1988). *Syarh al-Mulukiy Fi al-Tasrif*. Cet. 2. Beirut: Dar al-‘Auza‘iy. Hal. 19

<sup>44</sup> Al-Qazwiniy, Abdullah Muhammad Bin Abdul Rahman (t.t). *al-‘Idah Li Talkhis al-Miftah*. Beirut: Maktabat Ihyat Al-Kutub Al-Islamiyyat. Juz. 1 hal. 26

<sup>45</sup> Al-Subkiy, Taqiyyuddin Ali bin Abd al-Kafiy (1983). *al-Ibhaaj Fi Syarh al-Minhaj*. Cet. 1. Beirut: Dar al Kutub al ‘Ilmiyyah. Juz. 1 Hal. 8

penutur tanpa disedari. Jesteru tiada sebarang teori, kaedah mahupun catatan mengenai ilmu bahasa Arab dinukil daripada bangsa Arab terdahulu walaupun kita menyakini kehebatan dan kecekapan mereka dalam bahasa Arab.

**Peringkat kedua;** bibit-bibit awal kemunculannya. Pada peringkat ini ilmu balaghah mendahului ilmu-ilmu lain dalam bahasa Arab. Diriwatkan bahawa al-Nabighat al-Dhibyani telah dilantik sebagai hakim di pasar sajak ‘Ukkaz untuk menentukan sajak yang terbaik. Beliau dalam penghakimannya telah memberikan beberapa hasil pemerhatiannya terhadap makna dan lafaz sajak-sajak terbabit. Antaranya komentar al-Nabighat kepada sajak Hassan bin Thabit iaitu:

لَنَا الْجَفَنَاتُ الْعَرُّ يَلْمَعْنَ بِالضُّحَى ... وَأَسْيَافُنَا يَقْطُرْنَ مِنْ نَجْدَةٍ دَمًا  
وَلَدْنَا بَنِي الْعَنْقَاءِ وَابْنٌ مُحَرَّقٌ ... فَأَكْرَمُ بِنَا خَالًا وَأَكْرَمُ بِنَا ابْنَمَا

Kata al-Nabighat;

*Sesungguhnya engkau seorang penyair, tetapi kamu telah menyedikitkan bilangan kelopak mata dan kamu telah berbangga dengan anak yang kamu lahirkan tetapi tidak berbangga dengan orang melahirkan kamu.<sup>46</sup>*

Pada pandangan al-Nabighat, sepatutnya Hassan menggunakan (جَفَانٌ) kerana ia menunjukkan bilangan yang lebih banyak berbanding dengan kalimah (جَفَنَاتٌ). Begitu juga orang Arab lebih berbangga dengan bapa berbanding dengan anak sendiri. Itulah yang sepatutnya dilakukan oleh Hassan.

Riwayat ini dan seumpama dengannya menunjukkan bahawa sasterawan jahiliyyah memberi perhatian kepada pemilihan kata-kata, makna dan gambaran di dalam karya

---

<sup>46</sup> Al-Asfahaniy, Abu al-Faraj Ali bin al-Husain (1997). *al-'Aghaniy*. Cet. 2. Beirut: Dar al-'Ihya' al-Turath al-Arabiyy. Juz. 11 Hal. 7

mereka. Bahkan kadang-kadang mereka turut menyumbang buah fikiran berkaitan sastera yang kemudiannya menjadi asas kepada ilmu balaghah.<sup>47</sup>

Bibit-bibit ilmu nahu muncul ketika zaman kedatangan Islam dan kemasukan beramai-ramai bangsa 'ajam dalam Islam. Ia lahir sebagai tindakbalas kepada kesalahan i'rab yang berleluasa sehingga turut memberi kesan kepada al-Quran. Abu Darda' menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w telah mendengar seorang lelaki membaca al-Quran lalu tersilap (al-lahn). Lantas baginda menyuruh para sahabat membetulkannya.<sup>48</sup>

Benih nahu turut kelihatan pada zaman Khulafa' al-Rasyidin, terutamanya pada zaman Umar al-Khattab. Beliau pernah menegur sekumpulan lelaki yang sedang memanah lalu tersasar. Kemudian saidina Umar berkata; alangkah teruknya panahan kamu. Kumpulan lelaki terbabit menjawab (نَحْنُ مُتَعَلِّمِينَ) ertinya; kami masih belajar. Saidina Umar lantas menegur kesalahan nahu mereka; kesalahan kamu lebih teruk dari lontaran kamu.<sup>49</sup>

Pada zaman beliaulah bahasa Arab telah dipelajari secara khusus sebagaimana kenyataan seorang sahabat Buraidat bin Hasib r.a;

*Mereka disuruh atau kami disuruh supaya mempelajari al-Quran kemudian al-Sunnah kemudian Faraid kemudian bahasa Arab: tiga perkara. Kami bertanya; apakah tiga perkata itu? Kata Buraidat; al-Jar, al-Raf' dan al-Nasb.(terjemahan)<sup>50</sup>*

---

<sup>47</sup> Syawqī Dīf (t.t). *al-Balāghah Taṭawwur Wa Tārīkh*. Bil. 9. Kaherah: Dār al-Ma'arif. Hal. 13

<sup>48</sup> Al-Hakim, Abu Abdillah Muhammad bin Abdillah (1998). *Al-Mustadrak 'Ala al-Sahihah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. Juz. 3 Bab: تَفْسِيرُ سُورَةِ حَمِ السَّجْدَةِ, Hal. 228 No. Hadis. 3695

<sup>49</sup> Al-Khatib al-Baghdadiy, Abu Bakr Ahmad bin Ali (t.t). *al-Jami' Li Akhlaq al-Rawi Wa Adab al-Sami'*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah. Juz. 2 Hal. 9

<sup>50</sup> Ibid. Juz. 2 Hal.10

Semua ini menunjukkan bahawa ilmu bahasa Arab terutamanya balaghah dan nahu sudah mula timbul dalam bentuk pembedaan kesilapan dan pemerhatian. Malah mengikut kisah Buraidah r.a ia sudah mula dipelajari. Namun begitu, ilmu ketika ini berbentuk lisan, reaksi spontan dan ringkas.

**Peringkat ketiga;** pembukuan dan penulisan. Para ulama telah menyebut beberapa individu yang mengasaskan ilmu bahasa Arab; nahu, sorof dan balaghah. Kebanyakan ulama menganggap Abu al-Aswad al-Du'aliy (67h) sebagai pengasas nahu. Beliau orang pertama yang membentuk kaedah-kaedah nahu dengan arahan dari Amir Mukminin saidina Ali r.a.<sup>51</sup> Dalam ilmu sorof pula, imam Sayuti telah meletakkan Muaz bin Muslim al-Harra'(187h) sebagai pengasas.<sup>52</sup> Namun pendapat ini telah mendapat kritikan.<sup>53</sup> Meskipun kedua individu ini dianggap sebagai pengasas, tetapi keduanya tidak mengarang sebarang penulisan yang khusus mengenai ilmu nahu maupun sorof. Mereka dikenali dengan pembentuk kaedah dan formula dalam ilmu-ilmu tersebut.

Kitab pertama yang ditulis mengenai ilmu nahu dan sorof ialah karangan Sibawaih(183h) dikenali dengan nama al-Kitab. Kitab ini telah menghimpun kedua-dua ilmu; nahu dan sorof di bawah nama nahu. Ini kerana pada awalnya, perkataan nahu

---

<sup>51</sup> Al-Qiftiy, Abu al-Hasan Ali bin Yusuf (1986). *Inbah al-Ruwat 'Ala Anbat al-Nuhat*. Cet. 1. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabiyy. Juz. 1 Hal. 39

<sup>52</sup> Muhammad bin al-Tayyib al-Fasiy (2002). *Fayd Nasyr al-'Insyirah Min Tayy Rawd al-'Iqtirah*. Cet. 2. Dubai: Dar al-Buhuth Li al-Dirasat al-Islamiyyat Wa Ihya' al-Turath. Juz. 2 hal. 1155. Al-Suyutiyy (1998). *al-Muzhir Fi 'Ulum al-Lughah Wa 'Anwa'ihā*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Juz. 2 Hal. 343

<sup>53</sup> Hasan Handawī (1989). *Manāhij al-Ṣarfīyyīn Wa Madhāhibuhum*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Hal. 55

merangkumi nahu sepertimana yang dikenali pada hari ini dan ilmu sorof.<sup>54</sup> Sibawaih telah memulakan kitabnya dengan nahu kemudian sorof dan diakhiri dengan perbincangan suara.

Ilmu balaghah pertama kali ditulis oleh al-Jahiz(255h) dalam kitabnya al-Bayan Wa al-Tabyin. Beliau telah memuatkan pandangannya dan pandangan ulama sezamannya. Begitu jua telah melihat zaman sebelumnya lalu menukikan kata-kata ulama Arab yang berkaitan dengan balaghah bahasa Arab.<sup>55</sup>

**Peringkat keempat;** kematangan dan kedewasaan. Bermula dengan kaedah dan formula yang bertaburan, tidak tersusun dan bercampur aduk antara satu sama lain, kini ilmu bahasa Arab mula membentuk dalam susunan ilmu dalam erti kata sebenar. Ilmu sorof beransur-ansur berpisah dari ilmu nahu. Kitab kedua paling lama yang sampai kepada kita bertajuk al-Tasrif karangan Abu Uthman al-Mazaniy(248h) telah memisahkan ilmu sorof dan hanya memberi tumpuan kepada pembinaan kalimat.<sup>56</sup> Kitab ini disyarahkan oleh Ibnu Jinniy(392) dengan nama al-Munsif. Kemudian rentetan kitab-kitab dalam ilmu sorof muncul seperti; al-Takmilah oleh Abu Ali al-farisiy(377h), Surr Sina'at al-I'rab, al-Tasrif al-Mulukiy dan al-Munsif oleh Ibnu Jinniy, al-Syafiyat oleh Ibnu Hajib dan banyak lagi. Kematangan ilmu sorof telah sampai ke peringkat dimana ada ulama yang mengarang kitab khusus untuk tajuk-tajuk sorof

---

<sup>54</sup> Ibid.. Hal. 15

<sup>55</sup> Syawqī Dīf (t.t). *al-Balāghah Tatawwur Wa Tārīkh*. hal. 57

<sup>56</sup> Hasan Handāwī (1989). *Manāhij al-Sarfiyyīn Wa Madhāhibuhum*. Hal. 51. Mahmūd fahmī hijāzī (t.t). *'Ilm al-Lughat al-'Arabiyyat*. Kuwait: Wakālah al-Matbū'ah. Hal. 86

seperti; al-Mamduḍ Wa al-Qaṣr oleh al-Qalīy(356h), Mudhakkār Wa Muʿannas oleh Ibnu Jinnīy dan Ibnu Fāris dan kitab al-ʿAfʿal oleh Ibnu Quttaʿ(515h).<sup>57</sup>

Kemunculan ulama-ulama yang ramai pada ketika ini turut mendewasakan ilmu bahasa Arab. Dalam ilmu nahu kedapatan dua aliran yang merangkumi puluhan ulama. Aliran Basrah dan Kufah. Antara keduanya sering terjadi perdebatan dan konflik. Perdebatan dan konflik ini merancakkan lagi perkembangan ilmu nahu. Lantas yang kurang ditambah, yang samar diperjelas, yang tiada diperbuat dan tiada aspek yang mungkin wujud dalam ilmu nahu melainkan diperkatakan.<sup>58</sup> Usaha aliran-aliran ini telah mematangkan ilmu nahu. Antara perdebatan yang berlaku berkaitan dengan ilmu nahu ialah perdebatan antara Mubarrīd dan Thaʿlab mengenai kalimah dalam sebuah rangkap syair;

لَهَا مَثْنَتَانِ خَطَايَا كَمَا ... أَكْبَّ عَلَى سَاعِدَيْهِ النَّمْرُ

Ertinya; *Ia (kuda) mempunyai dua pinggul yang pejal sepertimana harimau bertongkat atas kedua lengannya.*

Thaʿlab menganggap kalimat tersebut kata kerja dan alif yang kedua merupakan kata nama. Bagi Mubarrīd pula, kalimat itu kata nama dan alifnya huruf.<sup>59</sup> Perbahasan ini kemudiannya dimuatkan dalam kitab nahu terkemudian seperti Ibnu Yaʿīsh dalam syarah Mufassal, Ibnu Hisyam dalam Mughni dan al-Ridha dalam syarah al-Syafiyat. Ini menunjukkan bahawa ulama pada waktu tersebut begitu mengambil berat mengenai ilmu nahu sehingga berdebat dalam sebuah bait sajak dan kemudiannya dinukil oleh

---

<sup>57</sup> Mahmūd fahmī hijāzī (t.t). *ʿIlm al-Lughat al-ʿArabiyyat*. hal. 114-115

<sup>58</sup> Muhammad al-Tantāwīy (t.t). *Nasyʿah al-Nahw Wa Tārīkh Asyhar al-Huhāt*. Cet. 2. Kaherah: Dār al-Maʿarif. Hal. 47

<sup>59</sup> Al-Qiftiy (1986). *Inbah al-Ruwat ʿAla Anbat al-Nuhāt*. Juz. 1 Hal. 181

ulama terkemudian.<sup>60</sup> Imam Sayuti banyak memuatkan perbincangan para ulama mengenai nahu dalam kitabnya *al-Asybat Wa al-Nazair* dalam seni yang ketujuh.

Kemunculan Abdul Qahir al-Jurjaniy telah membawa perubahan besar dalam ilmu balaghah. Beliau telah membawa keluar ilmu balaghah dari sekadar bab-bab penting dalam ilmu sastera kepada kedudukan sebuah ilmu yang tersendiri. Beliaulah orang pertama menimbulkan teori ilmu bayan dan ilmu ma'ani dengan bentuk yang tersusun dan sempurna. Sebelum ini ilmu ma'ani berbentuk teori kecilan yang bertaburan sana sini tanpa sebarang hubungan antara satu sama lain. Manakala ilmu bayan walaupun sudah dikenali aspek tasybih, isti'arah, majaz dan kinayah, tetapi masih memerlukan lakaran besar dan teratur bagi sempadan dan cabangnya.<sup>61</sup> Tugas ini telah dipikul oleh Abdul Qahir al-Jurjaniy dalam dua kitabnya; *Dala'il al-I'jaz* dan *Asrar al-Balaghah*.

Namun begitu, Abdul Qahir menganggap ilmu balaghah adalah satu tanpa sebarang pembahagian sepertimana yang diketahui umum pada hari ini. Hal ini berterusan sehingga lahirnya imam al-Zamakhshari dengan kitab tafsirnya yang masyhur *al-kasysyaf*. Beliau ilmuwan balaghah yang pertama membezakan antara ilmu bayan dan ma'ani serta meletakkan ilmu badi' sebagai pelengkap keduanya.<sup>62</sup> Beliau juga telah menyumbang pandangan-pandangan baru sekaligus menyempurnakan apa yang telah dimulakan oleh Abdul Qahir.<sup>63</sup>

---

<sup>60</sup> Muhammad al-Tantawiy (t.t). *Nasy'ah al-Nahw Wa Tarikh Asyhar al-Nuhāt*. Hal. 60

<sup>61</sup> Syawqi Dīf (t.t). *al-Balāghah Tatawwur Wa Tarikh*. Hal. 159

<sup>62</sup> Ibid. Hal. 222

<sup>63</sup> Ibid. Hal. 243



Syauqi Dif menyatakan bahawa kedua intelek ini telah meletakkan ilmu balaghah di puncaknya. Generasi kemudian tidak mampu memberi input baru terhadap ilmu ini kecuali terpaksa bergantung kepada pembawaan Abdul Qadir atau Zamakhsyari atau kedua-duanya. Bagi Syauqi Dif, zaman seterusnya adalah zaman kebekuan ilmu balaghah.<sup>64</sup>

### 2.3 HUBUNGAN QIRA'AT DENGAN ILMU BAHASA ARAB

Perbincangan hubungan ilmu bahasa Arab dengan qira'at tidak sama dengan perbincangan hubungan ilmu bahasa Arab dengan Quran. Ini kerana hubungan dengan Quran tertumpu kepada ayat-ayat atau dalil-dalil yang diambil darinya serta hubungan keseluruhan Quran. Manakala hubungan dengan qira'at, perbincangan mengenai lafaz-lafaz di dalam sesuatu ayat, bukan berkaitan keseluruhan ayat atau susunan al-Quran.<sup>65</sup>

Hubungan qira'at dengan ilmu bahasa Arab bermula dari awal kemunculannya lagi. Ia bermula dari asas. Asas qira'at telah dirungkai oleh para ulama qira'at, bahawa qira'at yang betul dan diterima pakai ialah qira'at yang menepati tiga syarat mandatori iaitu;

- I. Bersesuaian dengan cara penulisan (rasm) mashaf-mashaf Uthmani
- II. Sanad yang sahih lagi masyhur atau mutawatir

---

<sup>64</sup> Ibid. Hal. 271

<sup>65</sup> Siti Saudah Bt Haji Hassan (1991). *Pembinaan Tatabahasa Arab Berasaskan Qira'at*. Tesis PHD, Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. hal. 200

### III. Bertepatan dengan mana-mana struktur nahu<sup>66</sup>

Syarat yang ketiga merupakan asas kepada hubungan bahasa Arab dan qira'at. Jesteru ulama dari aliran Kufah dan sebahagian dari aliran Basrah seperti Sibawaih berpegang kuat pada qira'at dan menganggapnya sebagai sumber ilmu bahasa Arab. Ini kerana di sisi mereka, qira'at lebih berautoriti dari sajak dan kata-kata orang Arab. Qira'at bersandarkan riwayat dan nukilan. Para perawi diselidiki dari sudut hafalan, ketelusan dan keperibadian dengan teliti sepertimana dalam ilmu periwayatan hadis. Ini berbeza dengan sajak yang kadang-kadang tidak diketahui perawinya.

Ibnu Hazm pernah menyuarakan kehairanannya kepada pendirian aliran Basrah terhadap qira'at dengan katanya;

*Di antara ulama nahu ada yang mengambil dari kata-kata orang Arab yang ditemuinya, menghukum secara zahir dan menganggapnya sebagai satu mazhab. Kemudian apabila dia terjumpa satu ayat Quran yang menyalahi hukum tersebut, mulalah dia memesongkan makna ayat Quran dari maknanya yang sebenar (takwil). (terjemahan)<sup>67</sup>*

Kedapatan pengkaji yang menyatakan bahawa ilmu bahasa Arab terutamanya ilmu nahu lahir kesan dari pemikiran tentang qira'at. Ulama ketika itu mengesani ilmu ini setelah fikiran mereka matang dengan pengalaman mengkaji al-Quran dan qira'at.<sup>68</sup> Pandangan ini diperkuatkan dengan kenyataan bahawa ulama nahu yang terawal terdiri dari para qurra' seperti; Abu Ishaq al-Hadramiy, Isa bin Umar al-Syaqafiy, Abu 'Amr bin al-

---

<sup>66</sup> Ibnu al-Jazarīy (t.t). *Munjid al-Muqri'in Wa Mursyid al-Ṭālibīn*. hal. 23-24

<sup>67</sup> Abd al-ʿĀl Sālim Makram (t.t). *Athar al-Qirā'āt al-Qur'āniyyat 'Alā al-Dirāsāt al-Nahwiyyat*. Kuwait: Mu'assasat Ali Jarraṭ al-Sabāh, Hal. 58

<sup>68</sup> Siti Saudah Bt Haji Hassan (1991). *Pembinaan Tatabahasa Arab Berasaskan Qira'at*. hal. 222

‘Ala’ dan Khalil bin Ahmad dari aliran Basrah. Manakala dari aliran Kufah pula al-Kisa’iy dan al-Farra’.<sup>69</sup>

Abdul ‘Āl berpendapat, keperihatinan para qurra’ ini telah mendorong mereka mengkaji ilmu nahu supaya ada persamaan dan penyelarasan antara apa yang mereka dengar dan riwayat dalam ilmu qira’at dengan apa yang mereka dengar dan riwayat mengenai kata-kata orang Arab.<sup>70</sup>

Hubungan di antara ilmu bahasa Arab dan qira’at juga boleh dilihat melalui kemunculan sebuah ilmu yang dikenali sebagai ilmu tawjih.

Tawjih ialah suatu bidang ilmu yang menjelaskan sesuatu bentuk qira’at dari sudut bahasa Arab dan i‘rab.<sup>71</sup> Oleh kerana hubungan yang amat rapat di antara qira’at dan bahasa Arab, ia muncul secara jelas pada peringkat pembukuan ilmu bahasa Arab lagi. Penulisan pertama mengenai bahasa Arab iaitu al-Kitab karangan Sibawaih turut memuatkan tawjih qira’at. Antaranya beliau telah membawa tawjih qira’at Abu ‘Amru yang mematikan tanda i‘rab dengan beberapa sajak Arab.<sup>72</sup>

Ilmu tawjih diterokai oleh para ulama yang menguasai qira’at dan bahasa Arab. Imam al-Kisa’iy yang dianggap ulama terawal menulis tentangnya mahir dalam kedua-dua

---

<sup>69</sup> Ibid. hal. 223

<sup>70</sup> Abd al-‘Āl Sālim Makram (t.t). *Athar al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah ‘Alā al-Dirāsāt al-Nahwiyyah*. Hal. 55

<sup>71</sup> Abdul Halim Muhammad al-Hādī Qābah (1999). *al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah*. Hal. 30.

<sup>72</sup> Sibawaih, Abu Bisyr ‘Amrū bin Uthman (1988). *al-Kitāb*. Cet. 3, Kaherah: Maktabat al-Khānjī. Juz. 4 Hal. 202

bidang.<sup>73</sup> Bukan sahaja al-Kisa'iy, ulama-ulama lain yang menyumbang dalam bentuk penulisan dalam bidang ilmu ini juga berlatarbelakangkan kepakaran bahasa Arab. Sebagai contoh, Ibnu Khalawaih dengan kitabnya I'rab al-Qira'at al-Sab' Wa 'Ilalaha, Abu Ali al-farisiy dengan kitabnya al-Hujjat Lil Qurra' al-Sab'ah dan Ibnu Jinniy dengan kitabnya al-Muhtasib Fi Tabyin Syawadh al-Qira'at.

Hubungan qira'at dengan ilmu bahasa Arab tidak hanya tertumpu pada satu aspek dalam bahasa Arab. Walaupun kebanyakannya jelas pada ilmu nahu. Ini kerana ilmu nahu mengambil peratusan besar dalam pembahagian ilmu bahasa Arab, dan juga faktor keprihatinan ulama terhadapnya yang agak menonjol. Ini dapat dilihat dengan bilangan penulisan dalam ilmu nahu yang agak banyak berbanding dengan ilmu-ilmu lain dalam bahasa Arab.

Namun, hubungan ini turut menyentuh ilmu lain dalam ilmu bahasa Arab seperti sorof. Contohnya dalam ilmu tawjih, ulama turut mengemukakan keabsahan qira'at yang menyentuh pembinaan kalimah *أسْرَى* atau *أَسْرَى*<sup>74</sup>. Mereka menyatakan bahawa ia timbul rentetan dari wazan yang digunakan sama ada *فَعْلَى* atau *فَعَالَى*. Bahkan kadang kala ia merangkumi kesemua atau kebanyakan ilmu dalam bahasa Arab. Contohnya Ibnu Jinniy ketika menerangkan qira'at al-Hasan, Mujahid dan lain-lain lagi pada salah satu ayat *وَفُؤِدْهَا النَّاسُ*<sup>75</sup> telah mengadunkan penerangannya diantara sorof, nahu dan lahjah-lahjah Arab. Kata beliau:

---

<sup>73</sup> Al-Khatib al-Baghdadiy (t.t). *al-Jami' Li Akhlaq al-Rawi Wa Adab al-Sami'*. Juz. 2 Hal. 291/292

<sup>74</sup> Al-Baqarah ayat 85

<sup>75</sup> Al-Baqarah ayat 24

*Ini di sisi kami berdasarkan gugur al-mudaf. Asalnya (ثُوْ وَفُوْدَهَا) atau (أَصْحَابُ ( وَفُوْدَهَا النَّاسُ). Ini kerana (الْوَفُوْدُ) dengan baris hadapan ialah masdar, dan masdar bukan manusia. Tetapi kedapatan masdar dari (lahjah) orang Arab dengan baris atas seperti kata mereka: وَقَدْتُ النَّارَ وَفُوْدًا dan juga أَوْلَعْتُ بِهِ وَكُوْعًا. ia boleh diterima (namun) semuanya syaz dan asalnya ialah baris hadapan. (terjemahan)<sup>76</sup>*

Semua ini secara tidak langsung menunjukkan hubungan antara qira'at dan bahasa Arab juga turut mendorong kepada penjagaan banyak lahjah-lahjah Arab dari luput ditelan zaman.<sup>77</sup>

## 2.4 KESIMPULAN

Qira'at merupakan salah satu ilmu yang penting dalam islam. Kepentingannya berpunca dari tautannya yang rapat dengan al-Quran yang merupakan kalam Allah. Ini dapat dikesan apabila nama qira'at dan Quran sendiri adalah kata terbitan dari kata akar yang sama. Bahkan ada ulama yang menyatakan bahawa perbezaan hanya dari sudut penamaan kepada subjek yang sama.

Kajian terhadap qira'at tidak akan sempurna tanpa menyentuh bahasa Arab yang menjadi landasan utama perbezaan bacaan. Terutama dari sudut sintaksis, morfologi dan balaghah. Bahkan jika meneliti susur galur kemunculan bahasa Arab sendiri sebagai ilmu dalam erti kata sekarang dan perkembangannya, menunjukkan bahawa bacaan

---

<sup>76</sup> Ibnu Jinniy, Abu al-Fath Uthman (1998). *al-Muhtasab Fi Tabyin Wujuh Syawadh al-Qira'at Wa al-'Idah 'Anha*. Cet. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat. Juz. 1 Hal. 144

<sup>77</sup> Abdul Halim Muhammad al-Hādī Qābah (1999). *al-Qirā'at al-Qur'aniyyat*. Hal. 69

Quran dan kebimbangan terhadapnya telah memainkan peranan yang penting dan menjadi faktor utama.

Sebagaimana qira'at, bahasa Arab juga penting kerana tautannya dengan al-Quran. Oleh kerana itu kajian dan penyelidikan mengenainya amat berbaloi terutama ketika menyentuh soal kefahaman al-Quran yang menjadi tujuan setiap muslim.